



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

RESIDENSI WILAYAH KELUARGA MALAYSIA SKY AWANI 3 MEREALISASIKAN IMPIAN 1,905 KELUARGA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 18 Jun 2022 – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri hari ini menyerahkan kunci kediaman kepada 200 pemilik unit Residensi Wilayah Keluarga Malaysia Sky Awani 3. Projek yang dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Syarikat SkyWorld Development Group ini merealisasikan impian warga kota M40 memiliki rumah sendiri yang selesa dan kondusif pada harga mampu milik dalam pusat bandar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Residensi ini menawarkan 1,905-unit kediaman pada harga RM300,000 seunit. Setiap unit berkeluasan 800 kaki persegi dengan (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dan satu (1) petak tempat letak kereta berbumbung. Selain daripada itu, Residensi SkyAwani 3 ini juga mempunyai pelbagai kemudahan untuk penduduk seperti kolam renang, gimnasium, bubble jet jacuzzi, gelanggang bola keranjang, dewan serbaguna, kawasan permainan kanak-kanak, dan lain-lain. Selain itu, Residensi SkyAwani 3 mempunyai SkyBridge yang telah menerima anugerah "SkyBridge Kediaman Tertinggi di Malaysia – 170.55m" daripada Malaysia Book of Record.

Sehingga Mei 2022, sebanyak 67,944 unit Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang melibatkan 104 projek telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 buah projek adalah di Kuala Lumpur, 3 projek di Putrajaya dan 4 projek di Labuan. KWP menasaskan 80,000 unit rumah di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 10 tahun bermula pada 2018 sehingga 2028 menerusi inisiatif Residensi Wilayah Keluarga Malaysia.

Kerajaan sentiasa melakukan penambahbaikan yang positif dalam memastikan kediaman yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan semasa rakyat dalam persekitaran yang lebih selesa, kondusif, mesra keluarga dan praktikal dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai sejajar dengan matlamat Aspirasi Keluarga Malaysia. Semoga program ini dapat membantu golongan sasaran untuk memiliki rumah impian mereka di Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
18 Jun 2022